



MAJLIS KESELAMATAN NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI



KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan mempunyai Sijil Taraf Bumiputra, dalam Gred atau Kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut:

BIL.	TAJUK DAN NO. TAWARAN	TARAF / SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH TAKLIMAT SEBUT HARGA	LOKASI TAKLIMAT SEBUT HARGA	TARIKH SERAHAN DOKUMEN	TARIKH DAN TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP	HARGA DOKUMEN
1.	<b>KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN PEJABAT UNTUK MAJLIS KESELAMATAN NEGARA NEGERI TERENGGANU</b>  NO. SEBUT HARGA: MKN/JPM/S10/2024	a) Mempunyai Sijil Taraf Bumiputra b) Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB dalam Gred G3 c) Kategori : B & ME d) Pengkhususan : B04, B28 DAN E11 e) Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)  ** Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan bagi Sebut Harga ini.	Tarikh: <b>16 JULAI 2024 (SELASA)</b>  Masa: <b>10:00 pagi</b>  Kaunter Pendaftaran akan dibuka jam 9:30 pagi sehingga sesi taklimat bermula. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan menyertai Sebut Harga.	Tempat: Bilik Mesyuarat, MKN Terengganu, Jabatan Perdana Menteri Tingkat Bawah, Wisma Sri Amar Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu Darul Iman  (KEHADIRAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN)  HANYA PENAMA DI DALAM PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK), DAN SIJIL TARAF BUMIPUTRA SAHAJA YANG BOLEH MENGHADIRI LAWATAN TAPAK ATAU TAKLIMAT TAPAK.	Atas talian (Emel syarikat)  Tarikh: <b>16 JULAI 2024 (SELASA)</b>  Sehingga <b>18 JULAI 2024 (KHAMIS)</b>	Tarikh Tutup: <b>23 JULAI 2024 (SELASA)</b>  Masa: <b>Sebelum 12.00 Tengah Hari</b>  Tempat: Peti Sebut Harga Bahagian Pembangunan Keselamatan, Aras 3, Blok SP5, Kompleks Setia Perkasa, Presint 1, 62350 Putrajaya	PERCUMA

**HANIFAH BINTI ABDULLAH**  
PENGARAH  
Bahagian Pembangunan Keselamatan  
Majlis Keselamatan Negara  
Jabatan Perdana Menteri

- Kontraktor yang hadir ke taklimat hendaklah membawa bersama-sama **SALINAN** sijil-sijil (tidak akan dikembalikan) **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, serta Sijil Taraf Bumiputra**. Hanya pengarah syarikat yang sah dan dinamakan dalam sijil sahaja dibenarkan menghadiri taklimat Sebut Harga dan lawatan tapak Perwakilan kuasa adalah **TIDAK DIBENARKAN sama sekali**. (Setiap syarikat hanya perlu diwakili seorang wakil sahaja).
- Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang hadir ke taklimat dan lawatan tapak sahaja melalui emel.
- Waktu Dokumen Tawaran Sebut Harga boleh di semak adalah pada waktu pejabat sebagaimana berikut:

HARI	WAKTU
ISNIN HINGGA KHAMIS	8:30 Pagi – 12:00 Tengahari Dan 2:30 Petang – 4:00 Petang
JUMAAT	8:30 Pagi – 12:00 Tengahari

- Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan **Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat**. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga selewat-lewatnya pada Tarikh yang ditetapkan dalam jadual diatas sebelum jam 12:00 Tengah Hari di alamat :

PENGARAH,  
Bahagian Pembangunan Keselamatan,  
Majlis Keselamatan Negara,  
Aras 3, Blok SP5, Kompleks Setia Perkasa,  
Presint 1, 62350 Putrajaya

- Dokumen Sebut Harga yang **LEWAT** diterima tidak akan dipertimbangkan.
- Kerajaan tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.
- Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Bahagian Pembangunan Keselamatan, Majlis Keselamatan Negara di talian 03-8886 6104 atau melalui emel [pembangunanmkn@gmail.com](mailto:pembangunanmkn@gmail.com)